



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2023

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BAJET OPERASI UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2024**

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeling ini adalah untuk memberi panduan penyediaan cadangan Anggaran Bajet Mengurus kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi tahun kewangan 2024.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sasaran hasil keseluruhan Universiti yang telah ditetapkan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM610juta. Sehingga 31 Oktober 2023, prestasi pencapaian hasil Universiti adalah sebanyak RM532.58 juta (bersamaan dengan 87.31% dari jumlah sasaran). Perincian adalah seperti berikut:

Entiti	Sasaran (RM Juta)	Pencapaian sehingga 30 Oktober 2023 (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
Fakulti	150.05	110.88	73.90
Institut	31.50	19.22	61.00
Jabatan	79.45	107.17	134.90
Kolej	22.00	19.76	89.80
Geran Penyelidikan	50.00	42.50	85.00
HCTM	135.00	109.85	59.07
HPKK	6.00	6.58	79.00

Entiti	Sasaran (RM Juta)	Pencapaian sehingga 30 Oktober 2023 (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
UKM-SHAPE	120.00	100.67	91.70
UKM-GSB	16.00	15.95	87.50
Jumlah	610.00	532.58	87.31

- 2.2 Hasil sumber dalaman Universiti sehingga oktober 2023 mencatatkan pencapaian prestasi yang lebih tinggi dengan peningkatan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2022. Hasil usaha PTj melalui pelaksanaan *One-Line Budget* (OLB) merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan hasil yang dijana oleh Universiti.
- 2.3 Walaupun pertumbuhan hasil Universiti diunjur lebih baik pada tahun 2023 & 2024, namun cabaran besar bagi Universiti adalah untuk memastikan pengurusan aliran tunai dikendalikan dengan agar lebih cekap dan efisien serta menyasarkan pemulihan rizab mengurus Universiti.
- 2.4 Rizab mengurus Universiti sekali lagi dijangka akan mengalami defisit bagi tahun berakhir 2023 namun pada kadar yang lebih rendah berikutan jangkaan penyaluran Geran Kerajaan yang mencukupi bagi menampung keperluan emolumen sekiranya tiada pelaksanaan sekatan.
- 2.5 Berdasarkan siling indikatif (SI) 2024 yang diperakukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui sesi pemeriksaan bajet, pihak Kementerian masih mengekalkan polisi pemberian 90% peruntukan emolumen kepada Universiti Penyelidikan (RU).
- 2.6 Dalam masa yang sama, kesemua RU perlu menjana sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan perbelanjaan operasi. Oleh itu, penjana sumber dalaman perlu dipergiat dan dipertingkatkan dalam mencapai sasaran yang ditetapkan bagi mengimbangi aliran tunai dan keperluan perbelanjaan emolumen yang tidak ditampung oleh kerajaan serta perbelanjaan bukan emolumen tahun 2024.
- 2.7 Justeru, PTj perlu mengenalpasti potensi dan bidang kepakaran masing-masing bagi membantu Universiti mengoptimumkan penjana kewangan selari dengan agenda utama nilai T.E.R.A.S Universiti iaitu Penjana Pendapatan dan Kebolehpasaran Graduan.

- 2.8 Penjimatan kos juga merupakan elemen penting yang perlu diamalkan di keseluruhan PTj dalam usaha meningkatkan keefisienan serta menerapkan elemen nilai faedah yang terbaik (*value for money*) dalam setiap perbelanjaan.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 *One-Line Budget (OLB)*

- 3.1.1. Sebanyak 26 PTj telah melaksanakan kaedah OLB pada tahun 2023. Bagi meluaskan pelaksanaan bajet berasaskan OLB, Jabatan Bendahari menyasarkan tambahan sebanyak 23 PTj lagi yang akan dilibatkan dalam pemakaian kaedah tersebut dalam tahun 2024. Ini menjadikan jumlah keseluruhan PTj yang akan menggunakan kaedah OLB di Universiti adalah sebanyak 49 PTj.
- 3.1.2. Senarai PTj yang telah menggunakan kaedah OLB pada tahun 2023 dan PTj yang akan disasarkan untuk menggunakan kaedah OLB pada tahun 2024 seperti di **Lampiran 1**.
- 3.1.3. Usaha Universiti dalam menyediakan bajet berimbang perlu diperkukuhkan bagi memastikan Universiti dapat terus beroperasi dan berupaya menampung kurangan peruntukan. Kaedah pembiayaan baru (*funding mechanism*) sedang dilaksanakan melalui konsep OLB yang bersifat autonomi terkawal dan berpandu kepada PTj dalam menentukan perjalanan operasi bergantung kepada pendapatan diperolehi dan perbelanjaan yang dirancang.
- 3.1.4. Pelaksanaan OLB terpakai kepada PTj yang berpotensi dan kurang kebergantungan kepada geran yang disalurkan kepada Universiti manakala sebahagian PTj khususnya Pusat Kos (PTj perkhidmatan yang menyokong kepada PTj lain), penyaluran bajet akan dibuat berdasarkan konsep *Zero Based Budgeting (ZBB)* dan *Outcome Based Budgeting (OBB)*.
- 3.1.5. Empat (4) komponen utama dalam struktur OLB adalah seperti berikut:
- a) Komponen 1: Hasil**
- Hasil yang disasarkan oleh PTj adalah hasil yang dijangka mampu untuk dijana pada tahun 2023 dan akan direkodkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil (KWH) PTj termasuk agihan yang diterima dari UKMShape.

b) Komponen 2: Kos Emolumen

Kos emolumen kakitangan tetap dan Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK) yang dicaj kepada PTj adalah tertakluk kepada baki nilai peratusan amaun peruntukan yang diterima daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

c) Komponen 3: Kos Overhed

Penentuan kos overhed yang dicaj kepada PTj adalah tertakluk kepada asas yang telah dipersetujui melalui Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) seperti berikut:

Bil	Elemen Kos	Asas
1	Kos Penyelenggaraan	Jumlah kos penyelenggaraan adalah berdasarkan keluasan PTj dan kadar keluasan per kaki persegi (RM)
2	Kos Utiliti: a) Elektrik	<ul style="list-style-type: none">• PTj yang tidak mempunyai submeter: Jumlah kos elektrik adalah berdasarkan keluasan PTj dan kadar keluasan per kaki persegi (RM).• PTj yang mempunyai submeter: Kos elektrik adalah berdasarkan maklumat penggunaan sebenar daripada Jabatan Pembangunan Prasarana (JPP).
	b) Air	<ul style="list-style-type: none">• PTj yang tidak mempunyai submeter: Jumlah kos air adalah berdasarkan bilangan kakitangan & pelajar dan kadar per kakitangan (RM).• PTj yang mempunyai submeter: Kos air adalah berdasarkan maklumat penggunaan sebenar daripada JPP.

d) Komponen 4: Peruntukan Tersedia

Peruntukan tersedia merupakan lebih/ kurang yang dikira setelah menolak kos emolumen dan kos overhed daripada unjuran hasil yang dijana oleh PTj. Secara ringkas, pengiraan peruntukan tersedia adalah seperti berikut:

PERUNTUKAN TERSEDIA	=	SASARAN HASIL - EMOLUMEN (10%) - KOS OVERHED
----------------------------	----------	---

3.1.6. Prestasi pencapaian sebenar OLB

- a) Prestasi PTj diukur melalui petunjuk prestasi utama (KPI) yang diunjurkan dan dipersetujui. Sebarang ketidakcapaian akan memberi kesan bajet PTj bagi tahun berikutnya.
- b) Laporan prestasi pencapaian keseluruhan OLB akan diukur dan dilaporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) pada setiap sukuan tahun semasa.

3.1.7. Bagi menyokong pelaksanaan OLB, PTj perlu memberi tumpuan kepada dua (2) elemen utama iaitu:

- a) Aktiviti Penjanaan Pendapatan
 - i. Merancang keutamaan aktiviti berdasarkan agenda utama naratif baharu Universiti Watan;
 - ii. Merangsang pelbagai aktiviti penjanaan melalui pemberian Modal Awalan (*Seed Money*); dan
 - iii. Mengurus aliran tunai PTj dengan memastikan semua invoice yang dikeluarkan dapat dikutip mengikut tempoh yang ditetapkan.
- b) Aktiviti Penjimatan Perbelanjaan
 - i. Memansuhkan program yang tidak kritikal dan mengutamakan program yang memacu penjanaan serta pembangunan UKM secara inklusif;
 - ii. Menggalakkan penggunaan Tabung Penjanaan PTj bagi sebarang penganjuran program dan sebarang aktiviti/ bengkel bersifat pengukuhan kerja (sanggar kerja);

- iii. Menyemak dan menilai semula tahap kecekapan output dan keberkesanan outcome sesebuah program/ aktiviti PTj bagi merancang pelaksanaan program baharu yang lebih efisien;
- iv. Menyemak skop program/ aktiviti sedia ada mengikut keutamaan serta memberi nilai faedah yang terbaik (best value for money);
- v. Mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan; dan
- vi. Meneliti kewujudan dan fungsi organisasi serta perjawatan.

3.2 iFinance & Accounting System (iFASt)

- 3.2.1. iFASt merupakan satu sistem integrasi kewangan dan perakaunan melalui laman sesawang yang bertujuan menyokong pelaksanaan proses belanjawan sejajar dengan Kebitaraan Digital di dalam T.E.R.A.S UKM.
- 3.2.2. Pelaksanaan penggunaan iFASt telah digunakan secara berperingkat bermula tahun 2022 bagi proses belanjawan seperti di bawah:
 - a) Kemasukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM)
 - b) Pindahan peruntukan (*virement*)
 - c) Caj antara jabatan
 - d) Laporan Pengurusan Kewangan PTj

4.0 STRATEGI BAJET 2024

- 4.1. Bajet 2024 memberikan penekanan kepada Peningkatan Hasil, Penjimatan dan Optimum Sumber dalam memenuhi aspirasi Universiti iaitu “Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Watan Kita”.
- 4.2. **Peningkatan Hasil**
Dalam memfokuskan kepada peningkatan kutipan hasil, usaha adalah berpandukan kepada mengenalpasti hasil-hasil baharu yang berpotensi, memperkemas kaedah kutipan hasil dan mengurangkan tunggakan kutipan hasil.
- 4.3. **Penjimatan**
Langkah-langkah penjimatan adalah merujuk kepada pekeliling berkaitan penjimatan yang sedang berkuatkuasa.

4.4. **Optimum Sumber**

Pelaksanaan aktiviti yang tidak menyumbang kepada peningkatan pencapaian teras PTj hendaklah ditangguhkan/ dihentikan. oleh setiap PTj. Selain itu, PTj juga bertanggungjawab mengoptimumkan penggunaan sumber dan memantau serta mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

5.0 **PENYEDIAAN CADANGAN BAJET OPERASI 2024**

5.1. Cadangan bajet operasi 2024 hendaklah disediakan secara komprehensif dengan mengambilkira semua kategori Kumpulan Wang (KW) dalam menyasarkan unjuran pendapatan dan perbelanjaan seperti berikut:

- a) Kumpulan Wang Hasil (KWH)
- b) Kumpulan Wang Amanah (KWA)

5.2. Secara amnya, penyediaan bajet operasi adalah berdasarkan kedudukan semasa kewangan dan aliran tunai Universiti. Sehubungan itu, penyediaan unjuran bajet yang disediakan oleh PTj juga hendaklah berdasarkan asas serta justifikasi yang bersesuaian dan mengikut keutamaan bagi setiap amaun yang dinyatakan.

5.3. **Pendapatan**

5.3.1. PTj hendaklah memastikan anggaran pendapatan yang disediakan adalah munasabah dan mampu dicapai oleh PTj berdasarkan aktiviti penjanaaan sedia ada atau baru. PTj perlu merujuk Laporan Pengurusan PTj melalui iFASt dalam menyediakan anggaran tersebut.

5.3.2. Pemberian galakan akan diberikan kepada PTj melalui lebihan hasil boleh agih berdasarkan kepada aktiviti penjanaaan yang diluluskan, tertakluk kepada Dasar Hasil Boleh Agih Aktiviti Penjanaaan UKM.

5.4. **Perbelanjaan**

PTj hendaklah mengemukakan unjuran perbelanjaan dengan mengambil kira keperluan sebenar seperti berikut:

- a) Memperuntukan perbelanjaan yang mencukupi bagi semua kontrak baharu dan sedia ada;
- b) Memastikan perolehan/ projek baharu yang sedia untuk ditenderkan pada tahun 2024 bebas daripada sebarang isu yang boleh mengganggu proses

perolehan. Ia bagi memastikan agihan yang diperuntukkan dapat dibelanjakan dan proses pembayaran disempurnakan pada tahun belanjawan semasa;

- c) Memastikan kos dan skop kontrak sedia ada dan baharu diteliti sepenuhnya bagi memastikan agihan peruntukan yang disediakan hanya untuk perkara kritikal dan berkeutamaan serta memberi nilai faedah yang terbaik (*best value for money*) kepada Universiti;
- d) Memastikan pematuhan kepada langkah-langkah dan pengawalan perbelanjaan seperti yang tertaluk kepada dasar dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- e) Memastikan peruntukan emolument bagi pegawai kontrak yang dibayar menggunakan KWH disediakan secukupnya dengan mengambilkira potongan KWSP/ PERKESO; dan
- f) PTj perlu membuat perancangan perbelanjaan berdasarkan kepada kaedah agihan peruntukan yang dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun.

- 5.5. PTj juga perlu mengemukakan unjuran perbelanjaan bagi Tabung Amanah bagi tempoh satu (1) tahun dalam membantu membiayai sebahagian kos operasi PTj.
- 5.6. PTj hendaklah menyediakan perancangan perolehan dan senarai kontrak bermasa dalam memastikan perolehan diuruskan dengan baik dan bekalan barang, perkhidmatan dan kerja dapat diperolehi dalam tempoh masa yang dikehendaki. Perancangan perolehan ini perlu selari dengan agihan bajet seperti yang dinyatakan dalam perkara 5.4.a.
- 5.7. PTj juga hendaklah memastikan sebarang penjimatan daripada proses perolehan diambil kira sebagai langkah mengelakkan pertambahan peruntukan.
- 5.8. Sebarang permohonan peruntukan khas bagi keperluan perbelanjaan yang bersifat *one-off* perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) melalui Jabatan Bendahari.
- 5.9. Sekatan peruntukan akan dilaksanakan ke atas PTj berdasarkan kedudukan kewangan semasa Universiti dan pencapaian pendapatan sebenar PTj. Sekatan juga akan dikenakan sekiranya Universiti menerima sekatan geran dari KPT. Perkara berikut hendaklah diberi perhatian oleh PTj:

- a) Merancang perbelanjaan sehingga akhir tahun bagi mengelakkan permohonan peruntukan tambahan; dan
 - b) Penjajaran peruntukan akan dibuat kepada PTj yang terlibat dengan penstrukturan semula, penggabungan dan pewujudan PTj baharu.
- 5.10. PTj hendaklah menyediakan cadangan bajet operasi seperti format yang dilampirkan. Maklumat ini perlu dilengkapkan mengikut tarikh yang telah dijadualkan seperti di **Lampiran 2 Jadual Bajet Operasi 2024**.
- 5.11. Bagi bajet di bawah KWA pula perlu disediakan mengikut format seperti di **Lampiran 3 Anggaran Bajet Kumpulan Wang Amanah**, manakala keperluan bajet pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) perlu disediakan secara berasingan mengikut format yang akan ditetapkan oleh pihak KPT.
- 5.12. Cadangan anggaran perbelanjaan yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap bagi mengoptimumkan perbelanjaan Universiti.
- 5.13. Ketua PTj hendaklah memastikan Cadangan Bajet Operasi 2024 yang dikemukakan adalah **MUKTAMAD**. Sebarang pindaan atau penambahan ke atas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan Jabatan Bendahari.

6.0 PENGURUSAN PINDAHAN PERUNTUKAN (VIREMEN) KWH

- 6.1. Permohonan pindahan peruntukan perlu melalui iFASt selaras dengan **Pekeliling Bendahari Bil. 8/2023 Pelaksanaan Caj Antara Jabatan dan Viremen melalui iFASt**.
- 6.2. PTj perlu merancang perbelanjaan dengan lebih efisien agar dapat meminimumkan kekerapan permohonan urusan pindahan peruntukan.
- 6.3. Semua permohonan pindahan peruntukan perlu mendapat perakuan daripada Ketua PTj/ Ketua Pentadbiran.

7.0 PERUNTUKAN EMOLUMEN KAKITANGAN TETAP DAN KONTRAK

- 7.1. Peruntukan emolument akan dibiayai melalui geran kerajaan sebagai Dasar Sedia Ada (DSA) dan agihan akan dilaksanakan seperti amalan semasa. Sekiranya

terdapat kurangan pada agihan geran kerajaan, maka kurangan tersebut akan dibiayai sepenuhnya daripada KWH.

- 7.2. PTj perlu mendapatkan kelulusan dari Jabatan Bendahari bagi setiap permohonan kakitangan baharu dan penyambungan kakitangan kontrak yang menggunakan peruntukan KWH sebelum dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.
- 7.3. Penggunaan peruntukan bagi pembayaran elaun kerja lebih masa perlulah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Bendahari.
- 7.4. Lantikan sedia ada dan lantikan baharu perlu dikaji semula dari masa ke semasa berdasarkan kemampuan kewangan semasa Universiti.
- 7.5. Pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip berikut:
 - i. Pewujudan perjawatan baharu tanpa sebarang implikasi kewangan tambahan melalui kaedah tukar ganti (*trade off*) dan penyusunan semula perjawatan (*redeployment*); dan
 - ii. Pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan Objek Sebagai 29000 (OS29000) berdasarkan geran yang diterima daripada KPT.

8.0 PERUNTUKAN BERPUSAT

- 8.1. Peruntukan berpusat adalah agihan yang dipusatkan kepada PTj perkhidmatan yang memberi perkhidmatan kepada Universiti seperti perbelanjaan penyelenggaraan bangunan dan fasiliti dipusatkan kepada JPP, keperluan ICT diperuntukkan kepada PTM, penyelenggaraan kenderaan dan rawatan perubatan di bawah Jabatan Pendaftar.
- 8.2. PTj yang menerima peruntukan berpusat ini hendaklah meletakkan keutamaan kepada pembayaran yang mempunyai kontrak bermasa dan keperluan kritikal.

9.0 MODAL AWALAN (*SEED MONEY*)

- 9.1. Penjanaan Pendapatan (*Income Generation*) merupakan agenda utama dalam memastikan kestabilan kewangan Universiti. Pemberian Modal Awal (*Seed Money*) telah diperkenalkan bagi membolehkan PTj menyokong hasrat Universiti untuk meningkatkan hasil pendapatan Universiti melalui aktiviti penjanaan.

- 9.2. Modal Awalan bermaksud pendahuluan sebagai modal perniagaan dan/ atau pendahuluan pembayaran aktiviti yang diluluskan kepada PTj tertakluk kepada pekeliling bendahari berkaitan Modal Awalan yang berkuatkuasa.
- 9.3. PTj yang mempunyai potensi untuk menjana pendapatan adalah digalakkan untuk memohon Modal Awalan melalui sesi pembentangan (*Pitching*) bersama panel pakar.
- 9.4. Setiap permohonan Modal Awalan akan melalui proses semakan dan penilaian serta pengesyoran daripada pihak Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH) sebelum dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU).
- 9.5. Jabatan Bendahari selaku urusetia akan menguruskan permohonan yang berpotensi dan melepasi proses saringan serta diluluskan di peringkat MPU.

10.0 PEMERKASAAN KUMPULAN WANG AMANAH (TABUNG PTj)

- 10.1. Bagi memastikan kelestarian kewangan yang berterusan, PTj adalah digalakkan untuk menggunakan peruntukan KWA bagi menampung keperluan perbelanjaan yang tidak dapat ditampung oleh bajet mengurus.
- 10.2. PTj hendaklah memastikan keahlian jawatankuasa setiap tabung yang diurus di PTj sentiasa dikemaskini dan ahli jawatankuasa yang dilantik hendaklah peka terhadap sebarang perubahan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 10.3. Pengurusan tabung amanah diperingkat PTj perlulah selari dengan **Garis Panduan Pengurusan Akaun Amanah (UKM-SPKPPP-PP02-GP01)**.
- 10.4. Sebarang aktiviti penajaan yang dilaksanakan di dalam Akaun Aktiviti Penajaan (AAP) perlu merujuk kepada **Garis Panduan Formula Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih Aktiviti Penajaan** yang sedang berkuatkuasa. PTj digalakan untuk membuka satu tabung khusus untuk setiap aktiviti penajaan bagi memudahkan pengiraan agihan hasil dan hasil boleh agih dilaksanakan.
- 10.5. PTj yang mempunyai lebih pendapatan yang tidak digunakan adalah dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Jabatan Bendahari. PTj perlu mengemukakan **Lampiran 3 Anggaran Bajet Kumpulan Wang Amanah** sekiranya berminat. Syarat untuk melaksanakan pelaburan adalah seperti berikut:

- a) KWA mempunyai baki melebihi RM50,000.00 setelah ditolak prinsipal pelaburan. Minimal prinsipal pelaburan adalah RM100,000;
- b) Tempoh pelaburan adalah setahun. Sebarang pengeluaran awal adalah tidak dibenarkan;
- c) Kadar keuntungan pelaburan adalah tertakluk kepada prestasi sebenar pelaburan; dan
- d) Pelaburan yang dinyatakan hanya akan dibuat sekiranya memenuhi syarat pelaburan yang akan ditetapkan berdasarkan aliran tunai Universiti.

11.0 PENGUATKUASAAN

- 11.1. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTj di Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur (tidak termasuk PTj yang menjalankan perkhidmatan operasi di HCTM dan HPKK). Entiti yang dikelaskan di bawah KW Enterprise seperti Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMShape) dan Pusat Pengajian Perniagaan Siswazah (UKM-GSB) perlu menyediakan bajet tahunan secara berasingan untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 11.2. Penalti akan dikenakan kepada PTj yang gagal mengemukakan lampiran cadangan agihan pada tarikh yang ditetapkan:
 - a) Potongan 5% kepada yang lewat; dan
 - b) Potongan 10% kepada yang tidak mengemukakan langsung daripada siling tahun 2024 yang diluluskan untuk PTj tersebut.
- 11.3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.